

JEPUN BELI LEBIH BANYAK MINYAK KITA

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan Jepun bersetuju mengarahkan syarikat-syarikat minyak utamanya menambah import minyak dari negara ini sebagai memenu-

hi permintaan Malaysia.

Langkah itu diambil berikutan permintaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rundingannya dengan Perdana Menteri Jepun, Enick Yasuhiro Nakasone.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Jepun bersetuju mengambil langkah perlu meminta syarikat-syarikat minyak berbuat demikian.

Pembelian itu boleh dibuat dalam segala bentuk, termasuk

pembelian secara long.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembelian melalui syarikat-syarikat minyak itu masih di peringkat awal perbincangan.

"Kerajaan Jepun tidak menolak permintaan kita supaya ia menambah pembelian minyak dari negara ini.

"Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan Jepun selama ini tidak membeli minyak tetapi apa yang dilakukannya ialah meminta syarikat-syarikat minyaknya berbuat demikian."

Pembelian

Bellau menyatakan demikian dalam satu sidang akhbar di pejabatnya hari ini setelah melakukan lawatan rasmi seminggu ke Jepun.

Kedua-dua pemimpin itu tidak pula berbincang mengenai harga gas asli cecair (LNG), kerana perkara itu telah ditetapkan sebelum Jepun membeli.

Pembelian pertama yang diangkut oleh kapal minyak *Naga*

Satu dijangka tiba di Tokyo 4 Februari ini, membawa 130,000 meter padu LNG. Kapal itu dijangka kembali dalam masa dua minggu untuk pengangkutan kedua.

Perdana Menteri menisfatakan harga yang ditawarkan oleh Jepun sebagai baik kerana terdapatnya bekalan gas berlebihan di pasaran dunia sekarang.

Menurut bellau, harga gas tidak lagi ditetapkan oleh pihak penjual, tetapi oleh pembeli, mengikut harga pasaran.

"Inilah satu kenyataan yang harus kita terima. Negara-negara Opec juga harus menerima kenyataan yang sama," katanya.

Struktur harga gas Malaysia dibuat secara kontrak dengan Jepun untuk 20 tahun, melalui LNG Malaysia dengan Tokyo Electric Power Company dan Tokyo Gas.

Dalam kontrak yang ditandatangani pada November 1979, Tokyo Electric akan membeli empat juta tan setahun sementara Tokyo Gas pula akan membeli dua juta tan LNG setahun.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia